

Tuhan Yang Maha Esa

Menurut Kupasan Ilmu Pengetahuan

Dalam karangan ini, Dr Priyana Suria Dipura, melanjutkan kupasannya – sebagai penutup – tentang “Tuhan Yang Maha Esa” dengan berdasarkan ilmu pengetahuan, untuk menambahkan yakin dan mendalami iman yang telah ditanam oleh ajaran agama terutama agama Islam – P.

(Oleh: Dr Priyana Suria Dipura)

Yang dinamakan semesta alam ialah ruangan alam yang terisi dengan bintang, matahari, dunia, planet-planet dan lain-lain jasad angkasa.

Bintang-bintang yang dapat kita saksikan memancarkan sinar yang mempunyai kecepatan 300,000 kilometer dalam satu detik.

Walaupun sinar itu mempunyai kecepatan luar biasa, sinar memancar dari satu bintang mengambil waktu bertahun-tahun atau beribu-ribu tahun. Oleh kerana itu ukuran jarak antara bintang-bintang itu tidak diambil dari meter atau kilometer, akan tetapi dari beberapa tahun lamanya sinar itu memancar dari satu bintang ke lain bintang atau ke dunia kita dan dasar ukuran ini dinamakan tahun sinar.

Menurut perhitungan, semesta alam mempunyai garis tengah yang ukurannya ada berjuta-juta tahun sinar. Di dalam ruangan yang maha luas ini sinar dari bintang-bintang itu mempunyai garis perjalanan yang tidak lurus, akan tetapi melingkar, hingga sinar ini pada satu ketika akan tiba kembali pada tempat permulaannya dan waktu untuk perjalanan ini adalah 6,000,000 tahun.

Dengan kenyataan ini, maka kita dapat menggambarkan betapa besarnya semesta alam itu. Walaupun demikian, dengan alat-alat moden, manusia masih dapat mengukurnya.

Berhubung dengan itu semesta alam masih masuk lingkungan manusia.

Semesta alam menurut pendapat Einstein bentuknya bulat dan dalam hakikatnya terdiri dari bulatan *aether*, yang berisi dengan berjuta-juta bintang, serta selalu mengembang dan membesar.

Matahari yang menyinari dunia kita masuk jenis bintang.

Adapun besarnya planet-planet, apabila dibandingkan dengan besarnya dunia yang kita diami adalah sebagai berikut:

1. Dunia,	Mempunyai garis tengah sepanjang		
		12,742	KM.
2. Jupiter	„	141,436	„
3. Saturn	„	118,500.6	„
4. Uranus	„	53,516.4	„
5. Neptun	„	47,419.6	„
6. Venus	„	12,614.58	„
7. Mars	„	6,753.26	„
8. Mercury	„	4,713.54	„
9. Bulan	„	3,439.34	„
10. Matahari	„	1,382,507	„

Matahari yang menyinari dunia kita, walaupun masuk

jenis bintang. Bukanlah bintang yang terbesar, terbukti dari angka-angka berikut:

1.	Matahari		
		Mempunyai garis tengah sepanjang	
		1,382,507	KM.
2.	Antares	,,	620,000,000,,
3.	Alpha Herculis	,,	550,000,000,,
4.	O. Ceti (max)	,,	410,000,000,,
5.	Betelgeuze (max)	,,	490,000,000,,
6.	,, (min)	,,	290,000,000,,

Demikianlah ukuran-ukuran dari isi semesta alam yang terbesar, selain daripada yang dapat disaksikan di dalam dunia kita.

Seperti telah diterangkan, matahari masuk jenis bintang-bintang atau sebaliknya bintang-bintang sebenarnya juga matahari-matahari.

Matahari kita menjadi pusat susunan planet-planet. Planet-planetnya sendiri berputar di kelilingnya dengan tidak berakhir akan tetapi dengan tertib mengagumkan. Pada menyaksikan kenyataan itu kita memajukan pertanyaan: Apakah di dalam semesta alam hanya ada satu susunan planet? Lebih lanjut lagi: Apakah hanya ada satu dunia seperti dunia kita, yang didiami oleh makhluk hidup dinamai manusia?

Jawabnya ialah, bahawa Tuhan tidak mungkin mengadakan sesuatu tidak dengan hikmah; tiap-tiap sesuatu yang diciptakan oleh-Nya, dari bintang sampai kuman-kuman, semua mempunyai maksud dan tujuan.

Apabila kita insaf, bahawa di angkasa sampai sekarang dapat dihitung ada kira-kira 20,000,000 bintang-bintang, maka apakah hanya matahari kita sahaja yang menjadi pusat susunan planet?

Seandainya tiap-tiap bintang mempunyai 4 planet

maka di dalam semesta alam dapat dikira ada 80,000,000,000 planet-planet.

Apakah di antara planet-planet itu, yang sedemikian banyaknya hanya dunia kita yang diisi dengan makhluk hidup, di antaranya manusia?

Kemewahan Tuhan berupa berjuta-juta planet, yang pasti ada di dalam semesta alam, hanya tidak dapat dilihat dan dibuktikan, dengan tak ada tujuannya, sudah barang tentu tidak mungkin masuk akal sesiapa pun juga.

Demikianlah gambaran tentang semesta alam, diciptakan Tuhan yang sangat menakjubkan sarjana-sarjana, baik sebagai keadaan yang masih banyak mengandungi rahsia bagi manusia, mahupun sebagai keadaan yang memberi ilham kepada batin manusia supaya meruncingkannya ke arah yang paling tinggi.

Apakah di luar semesta alam masih ada semesta alam lain? Mungkin! Oleh kerana apabila tidak demikian, maka semesta alam yang berisi dunia kita, walaupun besarnya tidak dapat didakapi (dipeluk – P.) Oleh fikiran manusia, merupakan satu-satunya ciptaan Tuhan di dalam samudera sunyi – Senyap yang tak berpantai, yang bererti, bahawa semesta alam mempunyai sifat Esa. Di samping Tuhan – seperti telah ditetapkan tak ada sesuatu yang bersifat Esa, oleh kerana dengan sendirinya akan hilang keesaan Tuhan.

Jasad-jasad angkasa – dari planet sampai ke bintang-bintang, tersusun oleh benda (*materie*).

Benda menurut ilmu pengetahuan yang paling akhir ialah “timbunan daya” (*energie*) di dalam susunan yang tetap.

Berhubung dengan itu maka adanya “benda” terkandung daripada adanya *energie*: tidak ada *energie* tidak mungkin ada benda, atau jelasnya *energie*lah yang lebih dahulu ada sebelum ada benda.

Walaupun belum diketahui bagaimana jalannya proses perubahan *energie* menjadi benda, ilmu pengetahuan, terutama ilmu fizik tentang atom, telah dapat menyaksikan perbuatan dari *energie* menjadi benda dan sebaliknya.

Jelaslah sekarang, bahawa *energie* itu pangkalnya benda serta faham metafizik dan *immaterieel*. Tiap-tiap keadaan, baik yang mati mahupun yang hidup, yang dapat disaksikan dengan pancaindera, terdiri daripada benda.

Demikian manusia tersusun oleh alat-alat tubuh, dan alat-alat tubuh tersusun oleh jaringan-jaringan tubuh, jaringan-jaringan tubuh oleh sel-sel; sel-sel oleh *molecuul-molecuul*; *molecuul* oleh atom-atom; atom-atom oleh *electron-electron*, *proton-proton* serta *neutron-neutron*; *electron-electron* oleh *quant-quant* cahaya atau *photon-photon*; *photon-photon* oleh butir-butir *aether* dan butir-butir *aether* tersusun oleh jasad-jasad (*corousculae*) yang paling kecil, yang tidak dapat dibahagi-bahagi lagi.

Titik-titik zat yang tak mempunyai bahagian ini mungkin sama dengan apa yang dimaksud di dalam tasawwuf Islam dengan noktah ghaib atau jauhar awal, dan dalam ilmu falsafah barat jumlahnya dengan zat mutlak (*absolute substantie*).

Marilah kita menyelidiki hakikat daripada noktah ghaib dan zat mutlak ini.

Jasad-jasad yang paling kecil akan tetapi masih dapat dilihat dengan mata bogel, dapat kita peroleh dengan tenaga mekanik dengan menumbuk atau menggerus (melicinkan – P.) Berbagai-bagai keadaan yang keras: batu, tanah, besi, tulang, rambut, bijian-bijian dan sebagainya. Butir-butir benda-benda kecil ini dinamakan “serba ganda” jenisnya, sama banyaknya dengan keadaan di dalam dunia kita. Keadaan yang demikian itu dinamakan keadaan yang serba ganda (*pluralistic*). Demikian keadaannya dengan *molecuul-molecuul*, sedangkan atom-atom jumlah jenisnya sama dengan jumlah banyaknya

jenis anasir-anasir: Keadaan *molecuus* dan atom-atom dinamakan pula “serba ganda”.

Bahagian-bahagian atom terdiri dari tiga jenis jasad-jasad kecil: elektron, proton dan neutron; masing-masing dengan muatan negatif, positif dan neutral. Jadi bahagian-bahagian atom adalah “serba tiga”.

Elektron-elektron yang bergerak dengan kecepatan 100,000 kilometer di dalam satu detik akan berubah menjadi gelombang sinar, yang bahagian-bahagiannya dinamakan photon-photon. Tergantung daripada panjangnya gelombang, gelombang sinar ini menjadi menjelma sebagai sinar berwarna. Warna yang pokok ada tujuh jenis; jadi photon boleh dikatakan ada tujuh jenis; photon adalah “serba tujuh”.

Runtuhan photon-photon dinamakan *aether* (*aether* – P.).

Aether selain menjadi bahan photon-photon, juga menjadi bahan elektron yang mempunyai muatan negatif dan proton yang kehilangan muatannya yang positif. Berhubung dengan ini sebenarnya atom terdiri dari dua jenis bahagian. Proton dan elektron; Sedangkan neutron mula-mulanya juga proton, kemudian kehilangan muatan positifnya. Terbukti, bahawa neutron pun di dalam atom mempunyai tujuan yang tidak kurang pentingnya daripada lain-lain bahagian. Photon-photon walaupun juga tersusun oleh *aether*, di dalam hakikatnya bukanlah merupakan satuan yang tetap, sebenarnya photon-photon adalah satuan *energie* yang ditambahkan terutama kepada elektron-elektron untuk segera dilepaskan kembali untuk menggelombang sebagai sinar.

Dengan keterangan ini, maka dapat ditarik kesimpulan, bahawa *aether* yang menyusun proton dan *aether* yang menyusun elektron adalah “serba dua” (*dualistic*).

Semesta alam yang terbatas dan mempunyai bentuk bulat, menurut Einstein terdiri dari bulatan *aether* yang mempunyai batas dan bentuk, dengan “serba dua”

ini. Kerana semesta alam sendirinya dia bukan Tuhan. Semesta alam oleh kerana itu harus merupakan keadaan yang diciptakan oleh Tuhan. Pun untuk membentuk semesta alam ini Tuhan harus mempergunakan bahan; dengan lain kata butir-butir aether harus dapat dibahagi-bahagi dalam bahan-bahannya. Oleh kerana aether sudah merupakan keadaan yang “serba dua”, maka aether harus terdiri dari butir-butir yang terakhir, oleh kerana di atas aether tidak ada lagi ciptaan Tuhan. Butir-butir yang terakhir bererti butir-butir yang tak dapat dibahagi-bahagi lagi, ialah butir-butir yang tak mempunyai bahagian, jumlahnya dinamakan zat mutlak atau sari (pati – P.) Daripada segala yang ada zat mutlak, walaupun kita tidak dapat membuktikan dengan jalan apapun, adanya tidak dapat disangkal, oleh kerana semua keadaan harus ada bahan-bahannya untuk mengadakannya serta pembuatannya, fikiran manusia tidak akan merasa puas, apabila semua keadaan tidak terjadi dari satu bahan, ialah zat mutlak. Aether yang terdiri dari titik-titik zat mutlak, kehilangan dua tujuannya dan menjadi bahan semua keadaan dan adanya hanya satu, ialah zat mutlak yang “serba Esa” (*monistis*).

Keadaan aether sebelum runtuh menjadi zat mutlak boleh diibaratkan dua gelas yang terbuat dari satu bahan, akan tetapi bentuknya berbeza, kerana berlainan tujuannya, misalnya yang satu untuk alat minum dan lainnya untuk alat menempatkan bunga-bunga (*vaas*).

Apabila kedua alat ini kita remukkan menjadi *powder* (apabila keduanya dihancurkan menjadi serbuk – p.), maka kita tidak dapat membezakan lagi pecahan-pecahan gelas untuk minum dan gelas untuk menempatkan bunga; dengan lain kata dua gelas tadi kehilangan tujuannya dan menjadi pecahan-pecahan gelas yang satu rupa, satu jenis dan dengan satu sifat. Keadaan demikian

dinamakan keadaan yang “serba satu” atau “serba Esa”.

Kita sekalian telah mengetahui, bahawa sesuatu yang bersifat Esa hanya Tuhan.

Tidak mungkin di samping Tuhan ada sesuatu lagi yang bersifat Esa, oleh kerana keesaan Tuhan dengan sendirinya akan lenyap, kecuali apabila yang dianggap Esa tadi merupakan bahagian pada Tuhan. Apakah sesuatu yang Esa itu tidak mungkin diciptakan di samping diri-Nya, hingga menjadi sesuatu yang Esa pada tingkatan kedua, semacam putera Tuhan?

Ini juga tidak mungkin, oleh kerana ciptaan Tuhan selalu terdiri dari dua keadaan yang berlawanan, seperti aether, sebagai ciptaan Tuhan yang pertama, “serba dua” sifat dan jenisnya.

“Maha suci Allah yang menjadikan semuanya berpasang-pasangan, iaitu apa-apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan diri mereka sendiri dan apa-apa yang ridak mereka ketahui.” Surah Yasin, ayat 36. (*Subḥana alladhī khalaqa al-azwāja kullahā mimmā tunbitu al-arḍa wa min anfusihim wa mimmā la ya lamūn*).

Ayat Quran ini dibuktikan kebenarannya dengan apa yang dihuraikan di atas.

Zat mutlak (*absolute substantie*) yang bersifat Esa tidak mungkin merupakan ciptaan Tuhan yang ada di samping Tuhan, oleh kerana dengan sendirinya akan hilang keesaan Tuhan; berhubung dengan itu zat mutlak ialah “zat mutlak” (*Het Absolute Zijn*), ialah Tuhan yang Maha Esa sendiri.

Nyatalah sekarang, bahawa semua kenyataan, asal dari Tuhan dan kembali lagi kepada Tuhan: “*Innā lillāh wa innā ilayhi rāji ‘ūn*.” (Surah al-Baqarah, ayat 156).

Zat mutlak adalah sebab pertama dari semua keadaan dan kejadian, wujud yang tak mempunyai sebab sendiri.

Seperti telah diterangkan, jasad-jasad atau benda-benda yang paling

kecil yang masih dapat disaksikan dengan mata, masih jauh merupakan keadaan yang paling kecil, oleh kerana masih dapat dibahagi-bahagi lagi ke dalam beberapa tingkatan yang lebih kecil lagi, ialah di dalam “*molecuul-molecuul*” dan ini di dalam atom-atom, selanjutnya atom-atom di dalam elektron-elektron; serta proton-proton dan neutron-neutron di dalam photon-photon; photon-photon di dalam butir-butir (*aether*), dan akhirnya butir-butir *aether* di dalam butir-butir zat mutlak.

Benda-benda yang paling kecil, yang masih dapat disaksikan dengan mata, namanya: keadaan yang nyata.

Molecuul-molecuul tidak lagi dapat dilihat dengan mata, mungkin dengan mikroskop yang kuat sekali lensa-lensanya. *Molecuul-molecuul* ini “*relatief reeel*”.

Atom-atom dan elektron-elektron dengan alat-alat apapun tidak mungkin dapat disaksikan, hanya garis perjalanan elektron-elektron dapat dilihat, apabila elektron bergerak di dalam ruangan yang berisi wap air. Keadaan atom-atom dan elektron, namanya: keadaan *theoretis*, akan tetapi cukup buktinya bahawa mereka ada.

Photon-photon dibuktikan dengan quantentheorie dari Planck; oleh kerana itu photon-photon juga merupakan keadaan yang *theoretis* pada (teorinya – P.)

Aether disangka ada, oleh kerana apabila aether itu tidak ada, maka berbagai kenyataan tidak mungkin dapat diterangkan, misalnya photon-photon tidak dapat laju sebagai sinar, apabila tidak ada zat pembawa yang menyebarkannya, seperti bahtera tidak mungkin dapat laju, apabila tidak ada air samudera yang membawanya. Keadaan demikian, namanya: keadaan yang *hypothetis* (keadaan menurut patukan juga) (menurut dasar yang tertentu – P.).

Zat mutlak harus ada, oleh kerana mungkin ada kejadian atau keadaan, apabila tidak ada yang menjadi pangkal kejadiannya, sebabnya yang pertama.

Keharusan demikian dinamakan sesuatu syarat-syarat mutlak.

Benda-benda yang paling kecil yang masih dapat dilihat dengan mata, mempunyai garis tengah dari beberapa mikron (1 mikron ialah 0,001 milimeter).

Molecuul-molecuul dan atom-atom mempunyai garis tengah yang berbeza-beza tergantung daripada jenisnya, akan tetapi pasti ukurannya sangat kecil.

Elektron-elektron tidak mungkin dapat ditangkap dengan alat penglihatan apapun, kerana sangat kecil. Antara dua titik dengan jarak 1 sentimeter dapat ditempatkan 1,000 (ditambah dengan 27 angka sifar lagi – p.)

Baharu menyamai 10/26 elektron-elektron. Photon-photon serta butir aether terdiri dari butir-butir yang lebih kecil lagi, yang belum diketahui ukurannya.

Akhirnya zat mutlak tersusun oleh titik-titik yang tak mempunyai bahagian.

Tiap-tiap keadaan yang mempunyai bahagian, bagaimanapun kecilnya, masih dapat dibesarkan dengan mikroskop sampai dapat dilihat, misalnya dengan mikroskop yang dapat membesarkan sesuatu berjuta-juta kali.

Atau sebaliknya: Tiap-tiap keadaan yang masih dapat dibesarkan dengan alat penglihatan, itu bererti, bahawa keadaan itu mempunyai bahagian. (Terdiri daripada beberapa anasir dan dapat dibelah bagi – P.).

Kesimpulan yang dapat kita tarik dari kenyataan ini, ialah bahawa titik yang tidak mempunyai bahagian tidak mungkin dapat dibesarkan dengan mikroskop manapun.

Titik yang demikian ialah titik yang tak terhingga kecilnya dan bagi manusia titik demikian tidak mungkin dapat dilihat atau dibuktikan.

Tasawuf Islam menamakan titik demikian “noktah ghaib” (titik tersembunyi); juga dinamakan “jauhar awal” yang bererti keadaan yang sangat halus dan menjadi awalnya semua kejadian, dinamakan juga

“jauhar akhir,” kepada setiap semua yang nyata dapat kembali.

Oleh kerana “noktah ghaib” ini, oleh manusia tidak dapat disaksikan dengan jalan apapun, maka berhubung dengan itu noktah ghaib baginya merupakan sesuatu yang naif (negative), akan tetapi bukan naif yang mutlak, oleh kerana daripadanya terjadi semua keadaan.

Tasawuf Islam menamakan nafi demikian “nafi nakrah,” sedangkan nafi yang mutlak dinamakan “nafi jenis.”

Lambang nafi ialah nol (sifar – P.) Di dalam erti sesuatu yang tak terhingga kecilnya atau “nafi nakrah”, sedangkan lambing dari maha ruangan yang terisi penuh dengan titik-titik yang tak terhingga kecilnya ini, yang tak mempunyai batas atau yang tak terhingga besarnya, ialah 00.

Pandangan matematik tentang Tuhan

(Di sini Dr Priyana menghuraikan masalah ini dari segi ilmu matematik dan antara lain beliau menulis – P.):

Berhubung dengan ini Augustinus mengatakan, bahawa faham matematik seperti juga tanggapan tentang yang Maha Tinggi adalah di atas budi. Untuk membuktikan adanya Tuhan dengan pasti dan lebih pada tempatnya ialah apabila kita mempergunakan faham matematik.

Zat mutlak terdiri dari titik-titik yang tidak mempunyai bahagian, dan oleh kerananya merupakan titik-titik yang tak terhingga kecilnya, yang kita beri lambang 0. (tanda angka sifar – P.), Sedangkan jumlah dari titik-titik ini yang mengisi penuh seluruh maha ruangan diberi lambang 00, demikian maha ruangnya sendiri.

Dengan lambang-lambang ini ini kita dapat membuktikan dengan kepastian dari matematik, bahawa tiap-tiap keadaan dari butir aether sampai dengan semesta alam tersusun oleh titik yang tak mempunyai bahagian tadi. Misalnya suatu

keadaan kita beri lambang angka 2. Apabila angka 2 ini kita bahagi berturut-turut dengan pembahagian yang makin lama makin menjadi kecil sampai dengan pembahagian yang paling kecil ialah 0. (Di sini beliau memberi contoh dengan jalan ilmu hisab, lalu menulis – P.):

Dikiaskan atas keadaan, bererti, bahawa tiap-tiap keadaan (jauhar – benda – P.) tersusun dari zat mutlak yang tak mempunyai bahagian dan tak terhitung banyaknya.

Ruangan yang tak ada batas terisi penuh dengan zat mutlak, dan oleh kerana itu sebelum Tuhan mengadakan sesuatu maha ruangan ini diisi oleh Tuhan Yang Maha Esa semata-mata.

Ruangan yang demikian dinamakan samudera tauhid yang tak berpantai, siapa yang terapung-apung di dalam samudera ini tidak memungkiri adanya Tuhan; kepercayaan hanya satu, ialah percaya tentang adanya Tuhan yang Maha Esa, sebab pertama dari segala yang ada.

Kesimpulan

Bagi mereka yang mempelajari falsafah, terutama falsafah Barat keterangan tentang adanya Tuhan seperti yang dihuraikan di atas tidak akan memberi keputusan, oleh kerana Tuhan dianggap sebagai keadaan yang bersifat “benda” dengan menggambarkan sebagai zat mutlak yang terdiri dari titik yang tak mempunyai bahagian.

Kepada mereka saya sampaikan peringatan, bahawa tiap-tiap kenyataan mempunyai dua muka yang saling menggenapi.

Sebagai contoh misalnya sehelai kertas: Sehelai kertas ini mempunyai muka. Ini saling menggenapi untuk menjamin adanya sehelai kertas. Tidak mungkin satu muka kita lenyapkan dengan tidak pula ikut

serta lenyapnya lain muka. Seandainya kertas itu tebal dan kita belah menjadi dua dengan maksud untuk membuang satu daripada kedua mukanya, maka apa yang kita peroleh? Dua helai kertas, masing-masing dengan dua muka lagi.

Lain contoh, misalnya sinar cahaya:

Menurut Christiaan Huygens (1629-1690) sinar cahaya itu mempunyai sifat-sifat gelombang, sedang Isaac Newton (1642-1727) berpendapat, bahawa sinar cahaya itu mempunyai sifat-sifat jasad kecil. Terbukti bahawa kedua teori ini saling menggenapi, tidak satu daripada kedua teori ini dapat disampingkan dengan tiada menyampingkan teori yang lain. Masing-masing tidak dapat menerangkan hakikat sinar seluruhnya; masing-masing tidak mempunyai erti, baharu setelah kedua teori itu dijadikan satu, maka satunya ini menjadi teori yang berharga. Berhubung dengan ini, maka ada pendapat yang mengatakan, bahawa satuan dari bahagian-bahagian adalah lebih berharga daripada jumlahnya.

Falsafah Barat banyak menghasilkan aliran yang berpasang-pasang dan masing-masing pasangan terdiri dari anasir-anasir yang bertentangan. Misalnya aliran *materialism* bertentangan dengan aliran *spiritualism*, *realism* dengan *idealism*, *action-salism* dengan *accident-salism* *monism* dengan *dualism* atau *pluralism*, dan sebagainya.

Antara penganut-penganut dari kedua aliran yang bertentangan ini berkobar perbahasan yang hebat dan sampai sekarang ini belum dapat dipadamkan.

Apabila kita tinjau lebih dalam kedua aliran yang dimaksudkan ini, maka sebenarnya kedua aliran saling menggenapi, yang member pengertian yang sewajarnya tentang tiap-tiap kenyataan.

Berhubung dengan ini, maka akhir-akhir itu tumbuh aliran baharu, yang membenarkan kedua aliran yang saling bertentangan

itu dan menyatukan keduanya, aliran itu dinamakan “serba genap” (*Complementarism*).

(Setelah menyatakan, sedangkan roh yang kita yakinkan wujudnya, tidak juga diketahui hakikatnya inikan pula Tuhan ‘*azza wa jalla*, maka Dr. penulis rencana ini meneruskan huraianya dengan berkata – p.):

Berhubung dengan ini semua, bagi kita ada beberapa kenyataan yang mahu atau tidak mahu kita harus menerima kebenarannya, ialah yang dinamakan *postulaat-postulaat*.

- Pertama: Tiap-tiap sesuatu harus ada penciptanya.
- Kedua: Tiap-tiap sesuatu harus menempati ruangan dan dibatasi oleh lain ruangan.
- Ketiga: Jumlah semua ruangan tidak mempunyai batas.
- Keempat: Maha ruangan yang tak terbatas ini berisi penuh dengan penciptaan yang bersama-sama ada.
- Kelima: Pencipta semua isi maha ruangan ialah Tuhan yang Maha Esa.
- Keenam: Tiap-tiap sesuatu dapat dibahagi-bahagi sampai ke bahagian yang tidak dapat dibahagi-bahagi lagi; ialah sampai titik-titik yang mempunyai bahagian.
- Ketujuh: Tiap-tiap sesuatu tersusun oleh titik-titik yang tak mempunyai bahagian ini, dan jumlah daripada titik-titik dinamakan zat mutlak.
- Kedelapan: Zat mutlak hanya ada satu, oleh kerana itu bersifat Esa.
- Kesembilan: Yang bersifat Esa hanyalah satu, ialah Tuhan.
- Kesepuluh: Zat mutlak ialah zat mutlak, ialah Tuhan yang Maha Esa.
- Kesebelas: Tuhan ada.
- Kedua belas: “...tak ada sesuatu yang dapat dibandingkan dengan Dia.”